

TAHUN 10 BILANGAN 20 RABU 25 OGOS, 1965 1385 ربيع الاخير 28 رابو PERCHUMA

PENOLONG2 MENTERI MELAWAT DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG. — Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusuf bin Pengiran Mohd. Limbang telah mengadakan lawatan rasmi ka-kampung2 pendalaman di-Daerah Temburong pada hari Isnin yang baru lalu.

Tujuan lawatan Penolong2 Menteri itu ia-lah bagi memerhati dan mempelajari keadaan kampung2 serta memberi peluang kepada penduduk2-nya untuk mengemukakan sa-barang kemuskilan di-segi pertanian dan kebajikan serta pos.

Di-sepanjang lawatan itu, pertanyaan yang paling banyak di-

rana kebanyakan permohonan2 yang di-luluskan hingga sekarang tertinggal begitu saja.

"Ini ada-lah satu kerugian yang besar yang bukan hanya di-hadapi oleh ra'ayat bahkan juga Kerajaan" tegas Pengiran Damit.

Beliau sa-terus-nya menasihatkan petani2 di-negeri ini supaya benar2 berusaha di-lapangan pertanian dan jangan-lah hendaknya di-buat sa-bagai satu perkara yang ringan.

Pengiran Damit selanjut-nya menerangkan bahawa Kerajaan ada-lah benar2 berusaha dan memberi peluang kepada anak negeri ini supaya bergerak chergas di-lapangan tersebut dan kemudah2an saperti beneh2 dan nasehat2, Jabatan Pertanian ada-lah bersedia membantu.

Menyebut akan bantuan2 Kerajaan yang lebeh besar dari itu, Penolong Menteri Pertanian itu menyatakan bahawa langkah itu tidak-lah termasuk dalam peratoran2 yang telah di-tentukan.

Beliau menyatakan bahawa dalam ranchangan menanam sa-mula getah2 yang telah tua yang di-punyai oleh penduduk2 kampung, Kerajaan telah memberi bantuan sa-banyak empat ratus ringgit bagi satu ladang dan pegawai2 pertanian telah di-hantar untuk menasehatkan mereka supaya dapat bertanam dengan baik hasilnya.

Penolong Menteri Pertanian itu salanjut-nya menasehatkan kepada kaum tani di-Daerah Temburong supaya tanah2 mereka yang telah di-keluarkan grant-nya hendak-lah di-isikan dengan pokok2 tanaman menurut saperti yang terchatet dalam grant masing2.

Di-sepanjang lawatan itu, Penolong2 Menteri itu telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashhor.

Turut serta dalam lawatan itu ia-lah Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit.

D.Y.M.M. Menghadhiri Pembukaan Rasmi MASJID NEGARA

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang kelemarin untuk mengetuai rombongan perwakilan dari Negeri Brunei di-majlis pembukaan rasmi Masjid Negara di-sana.

Masjid Negara itu, di-bena dengan perbelanjaan kira2 10 juta ringgit, akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia pada hari Juma'at 27 Ogos, 1965.

PERBARISAN DI-WAKTU MALAM

SERIA — Pasokan2 Tentera dan Polis akan mengadakan Perbarisan dengan menggunakan lampu2 dan lain2 achara di-Gelenggang Sokan Seria pada 27 dan 28 Ogos mulai pada pukul 7 malam.

Pancharagam 2/6 Gurkha Rifles serta Pancharagam2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Polis Brunei akan mengambil bahagian di-temasha tersebut

kemukakan oleh penduduk2 di-sana ia-lah mengenai pertanian yang menjadi sumber nafkah hidup mereka sa-hari2.

Kampung2 yang mereka lawati itu ia-lah Kampong Temada, Kinua dan Bokok dan di-sepanjang lawatan itu sambutan yang baik telah di-berikan oleh penduduk2 di-kampung2 tersebut yang terdiri dari puak2 Iban dan Melayu.

Sa-orang penduduk di-Bokok, Awang Haji Ja'afar bin Ali telah mengemukakan pertanyaan mengenai permohonan tanah untuk berkebun yang di-sifatkan-nya sa-bagai bakal mata-pencharian penduduk2 di-sana.

Penolong Menteri Pertanian menjelaskan bahawa permohonan2 itu menurut saperti biasa hendak-lah di-semak dan di-pelajari terlebih dahulu dan kemudian-nya baharu-lah di-beri pertimbangan.

Kata-nya pertimbangan ada-lah satu perkara yang mustahak ke-

Dasar Kerajaan Brunei Terhadap Malaysia

BANDAR BRUNEL. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menegaskan lagi dasar kerajaan baginda untuk mengadakan tali perhubungan

persahabatan yang kukuh dengan Malaysia.

Ini berikutan dengan pemisahan Singapura dan ramalan akhbar bahawa Brunei akan menyertai Malaysia sekarang.

Satu kenyataan kerajaan hari ini berkata:

Dasar kerajaan Duli Yang Maha Mulia ia-lah mengadakan tali perhubungan persahabatan yang kukuh dengan Malaysia. Kerajaan telah mengambil perhatian tentang keputusan yang telah di-ambil sa-chara bebas supaya Singapura hendak-lah mulai dari sekarang menjadi sa-buah negara yang merdeka.

Harapan Kerajaan ia-lah, di-dalam keadaan2 yang baharu ini, supaya Singapura akan terus maamor di-dalam keadaan aman. Kerajaan Brunei akan, sa-takat yang mereka berdaya membuat-nya, mengadakan perhubungan baik dengan Singapura dan juga dengan Malaysia.



Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh (baju berbelang2) kelihatan sedang menjawab kemuskilan dari sa-orang peladang di-Bokok. Di-kanan beliau ia-lah Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Md. Yusuf.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong

So'alan2 Dan Jawapan2 Bertulis

BANGAR. — Beberapa so'alan bertulis telah di-kemukakan oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Temburong dalam persidangan-nya di-Kelab Temburong pada 10 Ogos, 1965.

Soa'alan2 itu dan jawapan2-nya ada-lah seperti berikut: —

Oleh Yang Mulia Awang
Metussin bin Aliakbar

PEMBERIAN TANAH

So'alan - Bilakah masa-nya Kerajaan dan pehak yang berwajib akan memberi peluang atau kesempatan kepada orang2 yang belum ada mempunyai Tanah di-minta-lah Kerajaan mengambil berat di-atas perkara ini kerana mustahak kepada ra'ayat yang tinggal di-kawasan luar bandar.

Jawapan: - Kerajaan ada-lah senantiasa memberi peluang kepada orang2 ramai sama ada mereka mempunyai tanah atau belum kalau mereka memohon dan terta'lok kepada syarat2 dan peratoran2 yang tertentu yang berjalan masa sekarang.

Oleh Yang Mulia Awang Haji
Abu Bakar in Baha

PENGHULU UNTUK DAERAH TEMBURONG

So'alan - Bilakah masa-nya Kerajaan akan mengadakan Penghulu bagi Daerah ini? Patut-lah Kerajaan menyegakan sa-cheput mungkin mengadakan Peghulu ini. Ada-kah Penghulu ini di-pileh oleh Pegawai Daerah atau pun sa-chara di-undi oleh anak-anak kampung juga.

Jawapan - Penghulu2 telah pun ada di-Daerah ini hanya di-Mukim2 yang tertentu saja akan di-penuhi dengan jawatan tersebut. Penghulu ada-lah di-pileh oleh ra'ayat sa-telah chalon2 itu di-pereksa oleh Kerajaan.

KELINIK DI-PUNI

So'alan - Bila-kah Kerajaan membangunkan sa-buah Klinik di-Kampung Puni? Apa-kah sebab-nya belum di-selenggarakan lagi ranchangan ini (membangunkan) bukan-kah Kerajaan telah berazam membuat klinik di-kampung yang tersebut di-atas ini.

Jawapan - Ranchangan membangun klinik2 di-tempat yang telah di-chadang itu maseh berjalan tetapi akan mengambil masa kerana kekurangan kakitangan untuk menjaga-nya.

JALAN RAYA

So'alan - Jalan Raya seluruh Daerah ini Kerajaan berjanji akan membaiki dengan sa-cheput mungkin di-dalam bulan 6 (Jun) sampai hari ini belum lagi ada di-laksanakan apakah sebab-nya?

Jawapan - Kerajaan tidak berjanji hendak membaiki, tetapi telah merancang untuk membuat

jalan raya besar meliputi seluruh Negeri termasuk Daerah ini juga. Ini akan mengambil masa sedikit kerana menunggu pakar2 dan Jurutera2 yang akan menyelenggarakan penyelesaian dan ukur mengukur dan sebagai-nya.

Oleh Yang Mulia O.K.S.
Haji Abdul Rahim bin Akim

BERTANAM PADI

So'alan - Bilakah masa-nya Kerajaan akan memberi peluang dan pertolongan kepada ra'ayat Daerah Temburong ini bertanam padi sa-chara bersawah yang sa-benar2-nya dan tahun berapakah?

Jawapan - Kerajaan ada-lah senantiasa memberi peluang dan pertolongan kepada ra'ayat untuk bantuan padi sachara bersawah tetapi ranchangan

PERARAKAN AHLI2 DARJAH KEHORMATAN JASA UTAMA



Satu Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama telah di-adakan di-Istana Darul Hana, Brunei pada hari Khamis 12 Ogos, 1965. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah berchemar Duli ka-istiadat tersebut. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga bertitah di-istiadat tersebut. Berita berkenaan dengan istiadat itu dan gambar semasa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri berchemar Duli ka-istiadat tersebut telah di-siarkan di-Muka Pertama akhbar ini pada hari Rabu 18 Ogos, 1965. Dalam gambar ini kelihatan satu pemandangan perarakan sa-bilangan dari Ahli2 Darjah Kehormatan Jasa Utama. Di-hadapan sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah. Berjalan di-belakang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota (memakai pakaian berwarna hitam) ia-lah Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar. Di-belakang beliau ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

untuk memberi bantuan kepada pemohonan2 beramai2 untuk membuat sachara besar2-an ada-lah dalam urusan sekarang.

AMPANGAN AYER

So'alan - Adakah sudah Kerajaan berchita2 hendak mengadakan Ampangan Ayer di-Daerah Temburong ini yang menchukupi di-kawasan Pekan Bangar ini untuk di-minum, dan digunakan bersawah padi dan lain2 lagi, tahun berapakah?

Jawapan - Jabatan Kerja Raya ada-lah sedang berikhtiar untuk menchari tempat yang dapat di-buat ampangan atau pegong ayer bagi mengatasi kesusahan ayer di-Daerah ini untuk mi-

numan sebelum memikirkan untuk sawah padi.

TINGGAL DI-RUMAH PERSINGGAHAN

So'alan - Bolehkah Kerajaan membenarkan kepada Ahli-Ahli Majlis Mashuarat Daerah tinggal sementara di-rumah2 persinggahan Kerajaan di-Brunei (di-Rest House) atau pun di-Hotel, yang tidak kena bayaran apa2.

Jawapan - Boleh dengan syarat di-benarkan oleh Setia Usaha Kerajaan terlebih dahulu seperti syarat yang di-kenakan kepada Pegawai2 Kerajaan kanan yang menjalankan tugas-nya dan di-kenakan bayaran sama.

Penolong Menteri Pertanian Akan Merasmikan Pembukaan Malam Amal Ikatan Belia Berakas

BERAKAS. — Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh akan merasmikan pembukaan temasha Malam Amal Ikatan Belia Berakas, Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Anggerak Desa Berakas pada 28 Ogos, mulai pukul 7-30 malam.

Tujuan di-adakan temasha tersebut ia-lah untuk derma, dengan jalan jualan bunga, bagi menambahkan lagi Tabong Kewangan Ikatan Belia Berakas Brunei.

Berbagai2 achara akan di-persembahkan di-temasha tersebut seperti nyanyian, tarian, lawak jenaka, tablo dan pantimon.

Kemunchak dari persembahan tersebut ia-lah sa-buah derama berjodol, "Putus Di-tengah Jalan" dan dua buah pantimon, berjodol, "Sandiwara Dunia" dan "Atas Satu Harapan".

Pesurojaya Pulis Brunei ka-K. L.

BERAKAS. — Pesurohjaya Pulis Brunei, Awang A. J. W. Slater telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Khamis 19 Ogos, 1965 untuk menghadiri Upachara Tamat Latihan 48 orang Rekrut2 Pulis dari Brunei.

Upachara tersebut telah di-adakan di-Ibu Pejabat Pulis Diraja Malaysia di-Kuala Lumpur pada hari Sabtu 21 Ogos.

Ahli2 Pulis tersebut akan belayar dari Singapura ka-Brunei pada penghujung bulan ini dan akan sampai di-Brunei pada awal bulan September.

PELATEH2 INSPEKTOR

Sementara itu, Pesurohjaya Pulis Brunei juga, semasa berada di-Kuala Lumpur, telah melawat 10 orang Pelateh2 Inspektor dari Pasokan Pulis Brunei, yang sedang berlateh di-Kuala Lumpur.

Mereka akan tamat berlateh dalam bulan Disember akan datang dan akan balek ka-Brunei sa-lepas tamat latehan mereka.

Pengiran² Di-Seluroh Negara Mera'ikan Pengantin Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Pengiran² di-seluroh Negeri Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan teh di-Dewan Kemasyarakatan, ra'ikan Pengantin Diraja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

Sa-belum jamuan itu di-edarkan, satu istiadat menepong tawar kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, telah di-adakan dituruti dengan menyembahkan chenderamata kenang²an kepada Pengantin Di-Raja.

Chenderamata itu berupa sabatang tongkat bersampak emas, ia-itu persembahkan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan sabiji tas tangan berlambang Panji² Di-Raja, ia-itu persembahkan kepada Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri telah tidak berchemar Duli ka-majlis itu, oleh kerana sedikit keuzoran.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Safiuddin, selaku Pengerusi Majlis itu dalam ucapan beliau, antara-nya telah menguchapkan terima kaseh bagi pihak Pengiran² di-seluroh Negeri Brunei, kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota atas kesudian berchemar Duli ka-majlis itu.

Pengiran² di-seluroh negara, kata Pengiran Muda Safiuddin, menyatakan keshukoran atas selamat perkahwinan di-raja itu

dan menyembahkan chenderamata sa-bagai menyatakan rasa perpaduan antara Pengiran² di-seluroh negara dengan Duli Pengiran Muda Mahkota serta Kerajaan Duli Yang Maha Mutia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, dalam sabda Baginda, sa-bagai membalas ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Pengiran

Muda Safiuddin, telah menguchapkan terima kaseh atas kesudian Pengiran² di-seluroh Negeri Brunei mengadakan majlis itu untuk mera'ikan Yang Teramat Mulia itu serta Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri.

Oleh sebab sedikit keuzoran, sabda Duli Pengiran Muda Mahkota, maka Duli Pengiran Isteri telah tidak dapat berchemar Duli ka-majlis itu.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota telah berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya membalas budi baik Pengiran² di-seluroh Negeri Brunei yang telah mengadakan majlis itu dan juga menyembahkan chenderamata kepada Duli Pengiran Muda Mahkota dan Duli Pengiran Isteri.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali dan beberapa orang pembesar negara.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan Do'a Selamat oleh Pehin Khatib Haji Yusof.

TEMASHA DERMA BAKTI MAJLIS PEMUDA PEMUDI

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Tari Menari Derma Bakti akan di-persembahkan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei bertempat di-Dewan Shell Recreation Club, Seria pada malam 18 September, 1965.

Temasha itu akan di-adakan bagi mengutip derma Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Pemegang tiket yang "bernasib baik" akan di-berikan hadiah tambang perchuma dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang Cathay Pacific Airways.

Selain dari itu akan di-adakan satu peraduan memilih Wanita Yang Di-sukai Ramai. Pemenang itu akan di-berikan satu hadiah yang istimewa.


Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Ogos hingga ka-hari Selasa 31 Ogos, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25	12-27	3-45	6-34	7-45	4-42	4-57	6-15	
26	12-26	3-44	6-33	7-44	4-42	4-57	6-15	
27	12-26	3-44	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
28	12-26	3-44	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
29	12-25	3-43	6-32	7-43	4-42	4-57	6-14	
30	12-25	3-43	6-32	7-43	4-42	4-57	6-14	
31	12-25	3-43	6-32	7-43	4-42	4-57	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.



Penaudok² dan gabungan kelab² serta persatuan² di-Daerah Belait telah mera'ikan Pengantin Di-Raja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha baru² ini. Mereka juga telah menghadihkan chenderamata sa-bagai kenang²an kepada Pengantin Di-Raja. Gambar ini di-ambil di-satu majlis yang telah di-adakan di-Kuala Belait sebagai mera'ikan keberangkatan Pengantin Di-Raja itu ka-Kuala Belait.

Ranchangan Memberantas Buta Huruf Di-Seluruh Negara Memperolehi Kejayaan

SAPERTI yang telah di-sebutkan dalam renchana yang lalu bahawa ranchangan2 perkembangan negeri ini telah berjalan dengan chepat-nya dan di-sana sini kita dapat menyaksikan beberapa buah bangunan2 sedang di-bena.

Kebanyakan daripada bangunan2 itu ada-lah merupakan pusat2 pendidikan untuk anak2 kita yang satu ketika nanti akan menjadi ra'ayat yang bertanggung jawab bagi kegemilangan negeri Brunei pada masa hadapan.

Dalam renchana ini pula kita akan chuba membentangkan mengenai ranchangan membekali ilmu pengetahuan atau lebih umum di-kenal "pelajaran" kepada kanak2 dan orang2 yang buta huruf.

Kita telah mengetahui bahawa ilmu pengetahuan itu ada-lah satu2nya alat yang terpenting dan sa-bagai jentera bagi menggerakkan sa-buah negara itu menuju ka-arrah keamanan dan kemamoran yang menjadi dasar pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan sesuai dengan gelaran yang di-namakan "Brunei Darussalam".

KEMUDAHAN2

Kita telah banyak mendengar mengenai ranchangan2 untuk memberi kemudahan2 bagi membekali ilmu pengetahuan kepada anak2 kita tidak kira apa bangsa tetapi hidup di-bawah panji2 Negeri Brunei. Kita juga mendengar beberapa orang penuntut2 kita telah memperolehi kejayaan yang gemilang di-luar negeri dan beberapa orang lagi telah di-hantar untuk melanjutkan pelajaran masing2.

Mereka ini semua-nya ada-lah bakal pemimpin Negeri Brunei pada masa hadapan. Kita juga mengetahui tindakan Kerajaan terhadap ra'ayat yang buta huruf.

Mengenai mas'alah buta huruf bagi sa-tengah2 penduduk dalam negeri ini terutama sa-kali di-daerah pedalaman, tindakan tegas telah di-ambil oleh Kerajaan.

Berpuluh2 buah darjah telah di-adakan di-sekolah2 dalam negeri dan penerangan2 khas mengenai gerakan yang di-gelar "Memberantas buta huruf" telah di-sebarkan di-setiap pelusok tanah ayer.

Ibu2 bapa dan orang2 dewasa yang belum mengenal huruf "A" hingga "Z" atau dari huruf "alif" hingga sa-terus-nya telah di-nasehatkan supaya belajar di-sekolah2 yang telah di-sediakan.

Dalam gerakan memberantas buta huruf ini, banyak kesulitan2 telah di-hadapi oleh Jabatan Pelajaran terutama mengenai menarek orang2 yang telah agak lanjut usia-nya supaya ikut belajar di-kelas2 yang telah ada itu.

Namun demikian, tiada satu kesulitan yang tidak boleh di-atasi dan di-mana ada kemahuan di-sana ada jalan, maka itu Bahagian Pengelola Kelas2 Dewasa pada masa ini telah mendapat hasil yang baik dan hampir kesemua ranchangan-nya berjalan dengan lchin.

Kesedaran berilmu pengetahuan bagi sa-tiap tuboh badan penduduk2 negeri telah di-tanam dan hasil-nya sekarang tiada siapa yang tidak mahu berpelajaran. Masing2 berlumba2 untuk atas mengatasi di-antara satu dengan yang lain.

Semangat yang saperti ini adalah yang benar2 di-kehendaki oleh Kerajaan dan sa-terus-nya penduduk2 negeri telah mengetahui akan tanggung jawab mereka bagi mengekalkan keamanan dan kemakmoran.

Bukan itu sahaja, mereka juga mempunyai kesedaran bahawa penipuan dan pengeliruan akan berleluasa dari sebab tidak berilmu pengetahuan atau tidak mengenal huruf.

Tetapi segala apa jua bentuk rupa kejahatan, akan dapat di-elakkan dari sebab mempunyai ilmu pengetahuan dan semangat timbang terima yang terdapat pada diri kita.

Dari sebab kejayaan bahagian kelas dewasa ini juga, maka pada masa sekarang perubahan2 telah di-adakan dan tindakan2 untuk meninggikan lagi darjah pelajaran bahagian dewasa telah di-ambil.

Pengelola Pelajaran Dewasa, Awang Umar Muhamad telah menyatakan kepada kita bahawa untuk menyesuaikan perjalanan kelas tersebut, maka nama Kelas Dewasa Memberantas Buta Huruf

Buta Huruf

telah di-ubah kepada "Kelas Dewasa Pelajaran Rendah".

Dalam Kelas Dewasa Pelajaran Rendah ini, kata-nya, pelajar2 akan berpeluang belajar sa-lama 3 tahun yang di-bahagikan kepada peringkat2 permulaan, menengah dan tertinggi.

Mengenai mata pelajaran yang di-ajarkan di-kelas itu, Awang Umar menegaskan bahawa pelajar2 itu akan belajar dalam pelajaran2 yang tertentu saperti Bahasa Melayu dan Ilmu Kira2.

Mencheritakan mengenai perkembangan Kelas Dewasa ini Awang Umar telah menjelaskan:

Pada tahun 1959 dahulu, Pelajaran Dewasa bahagian Melayu ini hanya di-kenal sa-bagai gerakan ranchangan khas bagi menghapuskan buta huruf kepada ra'ayat di-seluruh negeri ini atau tegas-nya untuk orang2 dewasa belajar membaca dan menulis sahaja.

MEMPERLUASKAN


Akan tetapi usaha2 yang berikuk untuk memperluaskan ranchangan Kelas Dewasa itu telah di-jalankan pula. Kami telah mengadakan Kelas2 Bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu dan di-susuli pula oleh Kelas2 Trengkas dan Menaip. Pada tahun 1965 ini pula suatu perubahan Besar bagi Pelajaran Dewasa sedang di-laksanakan.

Sambutan dari seluruh ra'ayat adalah memuaskan sa-hingga seluruh sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei telah mengadakan kelas2 dewasa dan yang menarek perhatian ia-lah kelas2 saperti itu telah juga di-adakan di-Balai2 Ketua Kampung yang sa-bahagian-nya di-usahkan oleh orang2 kampung sendiri.

Pada masa ini dengan berkat kerjasama dari guru2, Guru2 Besar Sekolah2 Melayu, Ketua2 dan Penghulu2 Kampung, maka sa-banyak 120 buah darjah telah di-buka di-seluruh negeri sa-hingga jauh kapendalaman.

Dari hasil kelas yang di-kenal dahulu-nya Kelas Memberantas Buta Huruf itu tadi, maka ramai-lah sudah ra'ayat yang dudok di-kampung2 itu kenal dan tahu serta boleh membaca dalam bahasa Kebangsaan ia-itu Bahasa Melayu.

Demikian pula hal-nya dengan



AWANG UMAR

Kelas Dewasa Bahasa Melayu bagi orang2 asing sa-hingga pada masa ini ada sa-banyak 32 buah kelas telah di-buka. Hasil dari kelas ini telah pun dapat di-buktikan bahawa beratus2 orang yang bukan Melayu telah memperolehi Sijil Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Tingkatan Ketiga yang di-akui kelulusan mereka itu sa-taraf dengan Sijil Rendah (L.C.E.) dalam bahasa Kebangsaan.

Dalam hal Kelas Perdagangan semenjak di-adakan beberapa tahun dahulu, kami merasa kagum kerana beberapa banyak dari pelajar2 di-kelas itu telah berjaya memileki Sijil2 Peperiksaan Trengkas dan Menaip.

Bokti-nya, pada hari ini beberapa banyak dari juru2 Trengkas dan menaip yang ada berkhidmat di-dalam berbagai2 Jabatan Kerajaan ia-lah bekas dari pelajar2 yang telah lulus dari kelas tersebut.

Kelas Perdagangan ini yang sa-belum-nya hanya Kelas2 Trengkas dan Menaip sahaja, tetapi hari ini telah di-tambah lagi satu mata pelajaran-nya ia-itu Ilmu Menyimpan Kira2 (Book-keeping). Oleh kerana beberapa kesulitan, kelas ini hanya dapat di-adakan di-Bandar Brunei walau pun sa-buah darjah sahaja, tetapi ada kemungkinan akan di-adakan juga di-tempat2 yang lain.

Berhubung dengan Urusan Rumah Tangga yang sa-memang-nya pada beberapa tahun dahulu telah pun di-adakan di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait, tetapi kerana beberapa sebab, maka kelas itu telah terhenti sahaja bagitu.

Untuk memberi peluang kepada suri rumah tangga dan meninggikan lagi dalam urusan2 yang tersebut, kami telah menghidupkan kembali

(Lihat muka 8)



Penuntut2 Kelas Dewasa Pelajaran rendah kelihatan sa-waktu di-adakan pembukaan rasmi darjah baru itu tidak beberapa lama dulu.

Tinjauan Dunia Hari Ini

KEGENTINGAN MELETUS SAMULA DI-INDIA AKIBAT PERISTEWA KASHMIR

HARAPAN sa-tiap negara di-dunia yang inginkan kedua2 belah pihak India dan Pakistan berbaik2 sa-mula seperti sedia kala telah terbengkalai, apabila terbukti berlaku-nya sa-mula pertemporan di-wilayah Kashmir dan perbelahan paling hangat antara New Delhi dengan Karachi, atas soal wilayah di-Himalaya itu, pertengahan bulan ini.

Belum sempat lagi tinta yang di-jadikan alat perjanjian gencatan senjata di-kawasan sempadan Tanah Paya Kutch itu kering, pertemporan mulai berlaku lagi di-Kashmir, wilayah yang menjadi pokok pertengkaran antara New Delhi dan Karachi, dari semenjak tahun 1947, apabila India menchapai taraf kemerdekaan dari British.

HILANG ERTI

Pada malam Selasa 12 Julai, pernah di-sebut2 ramalan bahawa keadaan sejarah perhubungan antara kedua2 negeri itu, mendapat kedudukan yang lebel baik, sa-telah kebijaksanaan di-buat merintis kepada persetujuan yang di-chapai, dan di-tanda tangani satu perjanjian minggu pertama dalam bulan Julai, atas soal kawasan sempadan Tanah Paya Kutch. Tetapi perkembangan mulai bertukar, dan perjanjian gencatan senjata Tanah Paya Kutch, sudah hilang erti dan kesan-nya, apabila pertemporan berlaku sa-mula di-Kashmir.

Pertemporan2 berlaku di-banyak bahagian dalam wilayah Kashmir, termasuk di-kawasan pergunungan dan jurang pergunungan Himalaya, antara pemberontak2 Kashmir dengan pasukan Kerajaan India.

Kerajaan New Delhi menda'wa, mulai 5 Ogos yang lalu, antara 1,200 hingga 2,000 orang, terdiri dari unit yang menggelarkan diri sa-bagai pasukan chara Komando, yang di-sebut "Pasokan Gibraltar", telah menyeberangi masuk ka-wilayah Kashmir kawasan India, dengan membawa perutusan untuk menghancurkan jambatan2, tempat2 simpanan perbekalan, melancarkan serangan hendap ka-atas kereta2 "convoys" dan membunuh pegawai2 kerajaan.

Menurut da'waan itu, kebanyakan dari penyusup2 itu ia-lah askar2 rasmi Pakistan, yang memakai pakaian biasa chara Kashmir, supaya dapat Kerajaan Pakistan menggambarkan, bahawa perjuangan di-wilayah Kashmir itu, ada-lah sa-bagai satu pemberontakan oleh penduduk2 negeri — itu-lah yang selalu di-da'wa oleh kerajaan Pakistan — yang sa-jumlah besar daripadanya orang2 Islam, menentang terhadap Kerajaan New Delhi.

KORBAN

Dalam usaha untuk memperarohi jiwa di-segenap golongan yang lemah di-kawasan itu, pihak India menda'wa lagi, sa-buah radio sulit yang di-gelar SUARA KASHMIR melaporkan, bahawa

Oleh
HANAFI JOFFRI

pejuang2-nya yang menuntut hak kebebasan sa-penuh dari Kerajaan India, telah melancarkan serangan2 yang berkesan, melibatkan kerugian besar kepada pasokan keamanan India.

Dalam pada itu, sa-buah Majlis Pemberontak telah di-bentuk dan ia-nya menda'wa bahawa tidak sa-orang pun askar rasmi Pakistan, yang terlibat dalam perjuangan di-Kashmir itu.

Tetapi ada-kah pihak India dapat memperchayai itu semua, walaupun SUARA KASHMIR malam tadi (22-8-65) membuat laporan, bahawa kira2 1,000 orang pasukan India telah terkorban, 772 orang daripadanya askar2 India, sa-banyak 40 buah jambatan di-letupkan, dan jumlah besar senjata telah di-rampas oleh pihak pemberontak.

SUARA KASHMIR membuat kenyataan, Pakistan tidak terlibat dalam perjuangan-nya, tetapi bakti2 yang di-keluarkan oleh New Delhi ini menjijikkan, beberapa orang yang di-tawan mengaku, bahawa mereka terdiri dari askar2 rasmi Pakistan, dan di-kirim untuk memimpin pemberontakan di-Kashmir.

Maka oleh bakti yang di-nyatakan oleh India itu, pasukan India telah memulakan gerakan memberse, ka-atas penyusup2 yang menyembunyikan diri, sa-telah mendapat banyak tawanan, dan membunuh kira2 183 orang dari mereka.

DA'WAAN

Ketegangan urat semakin hebat, melibatkan kedua2 belah pihak saling membantah dan mengecham, dan walaupun India dan Pakistan menda'wa kejayaan besar, namun kedua2-nya menderita kerugian korban nyawa dan harta benda.

Kegentingan yang berlaku selama 16 hari itu, telah di-muatkan ka-dalam agenda, dan di-kemukakan kepada Jawatan-kuasa Kerja Parlemen di-New Delhi, untuk tindakan lebel tegas. Menteri Pertahanan India Yashwantrao Chavan menjelaskan, tindakan mesti di-ambil, memandang kepada 3,000 hingga 5,000 orang gurella, yang maseh bermaharajalela di-Kashmir.

Apabila kerunchingan semakin bertambah, maka usaha untuk mendamaikan-nya pun tidak sedikit. Memandang kepada hal yang demikian, Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu U Thant telah menggesa Kerajaan New Delhi



President Radhakrishnan dari India, kerajaan-nya menuduh Pakistan menyusupkan tentera2-nya ka-Kashmir, untuk membangkitkan pemberontakan menentang kerajaan New Delhi.

dan Karachi supaya mencari penyelesaian, sementara dua kuasa besar, ia-itu Britain dan Amerika, juga mulai berbuat demikian.

Sa-masa renchana ini di-tulis, sudah tentu-nya pertemporan2 terdapat berlaku, di-satengah2 bahagian dalam Kashmir, dan apa pula hal-nya dengan pertemporan yang terus berlaku, jika sa-suatu yang bijak tidak di-jalankan bagi penyelesaian.

Menurut sa-tengah2 kalangan, semangat perjuangan semakin meningkat kerana ra'ayat Kashmir yang sa-bahagian besar daripadanya beragama Islam, sejak dari dulu, tidak sukakan pemerintahan Kerajaan India. Ini-lah masaalah yang paling rumit.

India menda'wa, Pakistan tidak berhak ka-atas Kashmir. Bagaimana pun usaha untuk mengatasi perkara Kashmir sa-chara segera dan lengkap, mungkin terlalu sukar hendak di-buat ketika ini, kerana perkara itu boleh-lah dikatakan sudah menjadi duri dalam daging kepada India dan Pakistan sejak berbelas2 tahun lama-nya.

MASAALAH BESAR

Kapada India, ia-nya sekarang menghadapi dua masaalah besar di-tanah ayer, ia-itu kerana pergolakan di-Kashmir, dan anchaman dari Tanah Besar China Kominis. Bagaimana pun, India sekarang ini meletakkan minatnya yang utama, a-atas Kashmir, kerana pertumpahan darah mulai meletus. Sementara kedua2 buah kerajaan mulai melipat gandakan bala tentera-nya di-kawasan sempadan, kerana pertahanan.

Keadaan di-India, tidak ubah seperti penyakit kudis menjadi sa-mula. Kegentingan di-sempadan Tanah Paya Kutch telah hi-

lang, kemudian timbul pula krisis di-Kashmir, yang telah di-katakan menjadi sumber pertengkaran, dari sejak tahun 1947.

Tidak lama dulu, pernah di-harapkan supaya masaalah kegentingan Kashmir dapat di-atasi, tetapi belum sempat sa-barang jaminan di-buat, bengkok Kashmir telah mulai pechah.

ANCHAMAN

Dari perpechahan itu, maka di-New Delhi pada hari Minggu yang lalu, Perdana Menteri India Lal Bahadur Shastri mengugut Pakistan, ia-itu jika pertemporan di-Kashmir itu tidak di-singkirkan segera, India akan memin-dahkan pertemporan-nya masuk ka-dalam kawasan Pakistan pula. Anchaman Shastri amat-lah membingungkan, kerana ada-kah ini bererti meletus-nya perang sa-chara terbuka antara India dengan Pakistan?

Sa-tengah2 kalangan meramalkan, sikap Shastri itu, ada-lah terbit dari champor tangan Pakistan, yang di-da'wa menyusupkan askar2 biasa ka-Kashmir, untuk mengepalai suku2 di-wilayah itu.

Dengan penolakan India untuk di-adakan satu pemungutan suara di-Kashmir, kalangan itu berkata, India tentu-nya menghalang Pakistan dari mendapatkan sa-barang harapan, untuk mengubah kedudukan di-Kashmir sa-chara damai.

JALAN LAIN

Sekarang India mungkin terpaksa mencari satu lagi jalan, yang dapat melenyapkan kegentingan di-Kashmir, tetapi ini mesti-lah dapat di-persetujui oleh Pakistan, tanpa menggunakan senjata.

Tidak lama dulu juga, bala tentera India dan Pakistan telah berundur dari kawasan sempadan, sa-telah perjanjian di-chapai mengenai so'al Tanah Paya Kutch, dan ra'ayat di-kedua2 belah pihak berasa shukor, tetapi dengan ada-nya perselisihan baharu, yang menimbulkan pertemporan di-wilayah Kashmir, tentu-nya keadaan seperti itu berubah, terutama sekali mereka yang berkedudukan di-kawasan2 sempadan.

Sekarang pula jelas, Perdana Menteri Shastri membuat keputusan akan mengubahkan peperangan-nya masuk ka-dalam Pakistan, jika kegentingan di-Kashmir menjadi semakin runching. Akan hal ini, kedudukan di-India mungkin menjadi lebel penting, kechuali sa-suatu dapat di-terima untuk mengubah dari berlaku-nya pertemporan sa-chara terbuka antara India dan Pakistan.

PEMBETOLAN:

Dalam keluaran 18 Ogos (Krisis Greek) Para. 16 baris ka-6 di-bahaskan "bertahta 16 bulan yang lalu" dan bukan-lah 16 tahun.

TAWARAN - TAWARAN

Membaiki dan Menghias Ibu Pejabat Pengakap dan Pandu Puteri

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei, sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 30 Ogos, 1965, bagi:

MEMBAIKI DAN MENGHIAS IBU PEJABAT PENGAKAP DAN PANDU PUTERI DI-JALAN KUMBANG PASANG, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei, semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidaklah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MEMBAIKI DAN MENGHIAS IBU PEJABAT PENGAKAP DAN PANDU PUTERI BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram ia-lah \$100.00 (saratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar yang tidak berjaya salepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Melapis Saluran Sampah dan Mengganti Pintu Bilek Tasek Flat

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 30 Ogos, 1965 bagi:

MELAPIS EMPAT BUAH SALURAN SAMPAH DAN MENGANTI 10 BUAH PINTU BILEK, BAGI TASEK FLAT, DI-JALAN TASEK, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidaklah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MELAPIS SALURAN SAMPAH

DAN MENGGANTI PINTU BILEK, BAGI TASEK FLAT DI-JALAN TASEK, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya salepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Membenakan Tempat Perhentian Lapangan Terbang dan Lain2 Kerja Untok Pengkalan Terbang Di-Berakas Camp

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "A" (kelas "B" Malaysia) yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya Brunei sahingga jam 12-00 tengah hari, hari Selasa 31 Ogos, 1965 bagi:

MEMBENA TEMPAT PERHENTIAN, LAPANGAN TERBANG DAN LAIN2 KERJA UNTOK PENGKALAN TERBANG (HELIFORT) DI-BERAKAS CAMP, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidaklah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

PERHINGGAPAN (HELIFORT), BERAKAS CAMP, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran Chengkeram tawaran ia-lah \$500.00 (Lima ratus ringgit sahaja) chengkeram boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei salepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Mengchat Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" dan ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 30 Ogos, 1965 bagi:—

MENGCHAT SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH, BANDAR BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan ka-dalam sampol surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidaklah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENGCHAT SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH, BANDAR BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (Sa-ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang berjaya salepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.


11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Persembahan Chenderamata2 Kenangan Kapada Pengantin Di-Raja



Persembahan daripada orang2 tua yang menerima penchen tua daripada Kerajaan Brunei kapada Pengantin Di-Raja.



Sa-batang tongkat bersampak emas: Persembahan daripada Pengiran2 di-seluruh Negeri Brunei kapada Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota



Sa-biji tas tangan berlambangkan Panji2 Di-Raja emas: Persembahan daripada Pengiran2 di-seluruh Negeri Brunei kapada Y.A.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.



Persembahan daripada Pegawai2 Rendah Kerajaan Daerah Brunei kapada Pengantin Di-Raja.

BOLA SEPAK:

Pulis Dan Askar Seri Petang Kelemarin

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Brunei telah seri (2 gol berbalas 2 gol) dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dalam Pertandingan Bola Sepak antara Jabatan2 Kerajaan Bahagian "A". Peringkat Sa-paroh Akhir di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang kelemarin.

Meskipun Pengadil telah melanjutkan masa, akan tetapi kesudahan-nya kedua2 pasokan itu, yang telah bermain sama chergas, telah tidak dapat menjangkakan gol yang di-tunggu2 untuk memberi kemenangan.

Dalam satu lagi Pertandingan Bola Sepak Bahagian "A", Peringkat Sa-paroh Akhir yang akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari ini, Pasokan J.K.R. dan Kastam akan melawan Pasokan Perubatan.

Pertandingan Akhir Bahagian "A" itu, menurut jadual, akan di-langsungkan di-padang tersebut pada petang hari Ahad 29 Ogos.

Jadual Pertandingan Bola Sepak tersebut. Bahagian "B", Peringkat Sa-paroh Akhir ada-lah seperti berikut:

26 Ogos: Jabatan Perubatan melawan Jabatan Pelajaran. 28 Ogos: Jabatan Penyiaran dan Penerangan melawan Jabatan2 Kerajaan, Tutong.

Pertandingan Akhir bahagian tersebut akan di-adakan pada petang hari Isnin 30 Ogos.

Mashuarat Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua

SERIA. — Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua di-Seria, dalam mashuarat-nya baru2 ini, telah bersetuju untuk mengadakan jamuan kepada penumpang2 Rumah Orang2 Tua itu pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam bulan depan.

Ahli2 Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua itu telah di-beri tahu dalam mashuarat tersebut bahawa beberapa banyak bakul2 rotan yang di-buat oleh penumpang2 Rumah Orang2 Tua itu telah di-jual di-Bandar Brunei.

Pendapatan yang di-perolehi dari semua jualan bakul2 rotan itu di-Bandar Brunei berjumlah sa-banyak \$520.

Pada masa sekarang seramai 51 orang2 tua tinggal di-rumah tersebut. Satu lagi permohonan dari sa-orang tua bernama Wong Wee Tam, berumur 70 tahun telah di-terima oleh Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua itu.

Sa-lepas di-adakan mashuarat tersebut, Ahli2 Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua telah melawat semua penumpang2 rumah itu dan memeriksa tempat tinggal mereka.

2 BUAH RUMAH TERBAKAR DI-DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua kejadian kebakaran yang meranapkan dua buah rumah telah berlaku di-Daerah Brunei dalam bulan Ogos.

Pada petang 15 Ogos yang lalu, sa-buah rumah kampong yang di-punyai oleh Awang Tamin bin Baha di-Kampong Kasat telah terbakar sewaktu beliau dan anak isteri-nya berada di-sawah padi mereka yang jauh-nya kira2 4 batu dari rumah tersebut.

Rumah tersebut telah ranap di-makan api dan semua barang2 di-dalam-nya telah tidak dapat diselamatkan. Kerugian di-taksir sa-banyak \$1,500.00. Puncua kebakaran

itu, Awang Tamin percaya ada-lah disebabkan bekas paranun api berdekatan dengan rumah beliau itu.

Kebakaran yang kedua telah berlaku ka-atas rumah Awang Ismail bin Osman di-Kampong Serdang pada suboh2 18 Ogos, 1965. Waktu kebakaran itu berlaku Awang Ismail sedang berpindah sementara sa-rumah saudara-nya di-sebabkan isteri beliau bersalin.

Rumah itu telah ranap di-makan api dan kerugian di-taksir kira2 \$15,000.00.

Puncua kebakaran sedang dalam penyiasatan pulis.

Awang Ismail bekerja sa-bagai peon di-Jabatan Pulis Bandar Brunei.

Ranchangan Memberantas Buta Huruf

(Dari muka 4)

kelas tersebut. Kelas Urusan Rumah Tangga ini akan memberi pelajaran mengenai masak2-an, jahit2an dan anyaman.

Dari Kelas2 Pelajaran Dewasa itu nanti akan membolehkan pelajar2-nya untuk memasuki Kelas Dewasa Pelajaran Menengah yang akan memberi peluang kepada pelajar2 untuk membolehkan mereka memasuki peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (L.C.E.) dan juga membolehkan mereka memasuki mana2 peperiksaan yang lebih tinggi dari Sijil tersebut.

Pada masa ini jumlah pelajar2 dewasa di-seluruh negeri telah meningkat lebih dari 4,000 orang yang belajar di-berbagai2 bahagian pelajaran.

Akhir-nya beliau berpesan kepada pelajar2 dan orang2 yang belum belajar supaya menuntut ilmu pengetahuan di-kelas2 yang di-sediakan dengan tabah dan chekal hati.

Jangan seperti pepatah Melayu seperti memegang besi panas, bila merasa panas di-lepaskan dan merasa susah di-tinggalkan.

Pemereksaan Kad2 Pengenalan Di-Mulai Pada 1-9-1965

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 1hb. September 1965, pulis akan menjalankan pemereksaan Kad2 Pengenalan di-seluruh negeri yang di-keluarkan kepada penduduk2 negeri yang berumur 12 tahun ka-atas.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya membawa kad2 pengenalan mereka apabila keluar dari rumah.

Orang ramai jangan-lah berasa chemas apabila di-periksa oleh pulis tetapi hendak-lah tunjukkan kad pengenalan mereka apabila di-kehendaki.

SEMINAR PELAJARAN P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun akan merasmikan pembukaan Seminar Pelajaran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Ahad 29 Ogos, 1965.

Upacara pembukaan rasmi Seminar Pelajaran itu akan di-mulai pada pukul 9-30 pagi dengan ucapan2 oleh Pengerusi Seminar; Yang Dipertua Agong P.G.G.M.B.; Pegawai Pelajaran Negara dan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Majlis itu akan bersurai sa-lepas di-adakan jamuan ringan dan bergambar ramai.

Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menutup Seminar Pelajaran tersebut pada pukul 4-20 petang hari Rabu 1 September, 1965.

Pendaftaran Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling Di-Luluskan

KAMPONG SUMBILING. — Rang Undang2 (Perlembagaan) Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling, Brunei telah di-luluskan dan di-sahkan oleh pehak yang berkuasa baru2 ini.

Mula2-nya pemuda2 di-Kampong Sumbiling hanya menubuhkan Persatuan Sokan Pemuda2 Kampong Sumbiling. Oleh kerana di-pandang terlalu sempit, maka nama persatuan itu di-tukarkan menjadi Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

Dasar dan tujuan persatuan tersebut ia-lah untuk:

- Meninggikan mutu kebudayaan dan sosial bagi kebajikan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.
- Menggalakkan persahabatan yang lebih rapat dan bersafahaman di-antara persatuan2 yang lain dan kepada iktisad,

sokan dan kebajikan.

- Menolong ahli2 itu dan orang2 kampong dari segi moral dan material di-waktu suka dan duka.

Pegawai2 sementara persatuan tersebut ia-lah:

Yang Dipertua: Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Naib Yang Dipertua: Awang Shar-bini Taha.

Setia Usaha Agong: Awangku Suhaimi Pengiran Wahid, Naib Setia Usaha Agong: Awang Kadir Lamit, Bendahari: Dayang Mahani Jamal, Penolong Bendahari: Awang Zaidi Taha.

Setia Usaha Penerangan: Awang Zainal Taha, Penolong Setia Usaha Penerangan: Awang Ahmad Chiku, Setia Usaha Sosial dan Kebajikan: Awang Md. Zain Haji Mohidin, Setia Usaha Kebudayaan: Awang Alimin Wahab dan Pengawas Sokan: Awang Muhammad Noor Muhammad.

GUNAKAN - LAH BAHASA MELAYU



Pasokan2 Pengakap, Anak Serigala dan Pandu Puteri telah di-tubuhkan di-Sekolah Melayu Lumapas, Bahagian Brunei III, baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Pengakap2, Anak2 Serigala dan Pandu Puteri sekolah tersebut semasa mereka hendak berjalan kaki ka-Tasek Nibong, letak-nya kira2 dua batu dari Sekolah Melayu Lumapas. Lawatan itu di-ketuai oleh Guru Pengakap Chegu Md. Yassin bin A. Said dan Guru Pandu Puteri Chegu Dayang Saadah binte Burut.